



KENYATAAN MEDIA

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENTERI PERTAHANAN

15 JULAI 2021

MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Hari ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaporkan 13,215 kes positif COVID-19 dan jumlah itu merupakan peningkatan berbanding semalam 11,618 kes dan kelmarin 11,079 kes.

Sebanyak tiga negeri menjadi penyumbang terbesar kepada peningkatan kes baharu hari ini iaitu Selangor (6,120 kes), Negeri Sembilan (1,603) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,499).

Peningkatan kes COVID-19 mendadak ini adalah disebabkan ujian saringan secara besar-besaran dan bersasar yang dilakukan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) terutama di Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Semalam, seramai 134,569 individu telah menjalani ujian saringan dan di negeri Selangor sahaja 50,646 individu disaring, yang mana 6,120 kes positif COVID-19 direkodkan.

Trend peningkatan kes positif COVID-19 bukan sahaja berlaku di Malaysia bahkan negara-negara jiran seperti Indonesia juga mencatatkan 56,757 kes positif pada hari ini. Thailand pula merekodkan sebanyak 9,186 kes positif.

Negara-negara Eropah turut bergelut dengan peningkatan kes seperti United Kingdom yang mencatatkan sebanyak 42,302 kes dan Rusia yang mencatatkan 25,293 kes.

Kebenaran Beroperasi Bagi Kedai Komputer dan Telekomunikasi, Kedai Buku dan Alat Tulis

Pandemik COVID-19 ini telah mengubah cara pembelajaran harian, dan semua institusi pendidikan kini mempraktikkan sistem pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian.

Sidang khas MKN hari ini bersetuju untuk membenarkan **Kedai Komputer dan Telekomunikasi** serta **Kedai Buku dan Alat Tulis** untuk beroperasi sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuatkuasa 16 Julai 2021.

Kebenaran ini diberikan setelah mengambil kira maklumbalas pelajar, ibubapa serta tenaga pengajar dan untuk memastikan guru serta pelajar dapat menjalankan PdPR tanpa gangguan.

Selain itu, sidang khas juga bersetuju untuk membenarkan pergerakan pelajar dari kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau ke kawasan PKPD dengan syarat mendapat kebenaran PDRM bagi tujuan mengambil peperiksaan termasuk peperiksaan professional.

SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan Kerajaan serta SOP yang telah diwartakan.

Semalam, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 80,339 pemeriksaan dan snap check COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 19,029 orang.

Ini termasuk pemeriksaan ke atas 2,246 kilang, 15,682 premis perniagaan, 924 tapak pembinaan dan 326 asrama penempatan pekerja.

Dari jumlah itu, 180 premis meliputi kilang, premis perniagaan dan tapak pembinaan diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

Pelaksanaan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Perpaduan Gumpa, Kudat, Sabah	17 Julai 2021	30 Julai 2021
2.	Perumahan Sabah Forest Industry (SFI), Sipitang, Sabah	17 Julai 2021	30 Julai 2021
3.	Penjara Tawau & Kuarters Penjara Taman Ehsan, Tawau, Sabah	17 Julai 2021	30 Julai 2021
4.	Lokaliti di daerah Kerian, Perak: <ul style="list-style-type: none">• Apartment Tropicana Bukit Merah• Kampung Tersusun Pondok Tanjung• Kampung Binjai	17 Julai 2021	30 Julai 2021

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kilang Latexx Manufacturing Sdn Bhd dan Asrama Pekerja Kilang Latexx (Latexx Village & Ivor Hostel), Taiping, Perak	16 Julai 2021	Dilanjutkan berkuatkuasa 17 Julai – 30 Julai 2021
2.	Taman Mewah, Kelemak, Alor Gajah, Melaka	16 Julai 2021	Dilanjutkan berkuatkuasa 17 Julai – 30 Julai 2021
3.	Taman Jaya Diri, Kota Kinabalu, Sabah	16 Julai 2021	Dilanjutkan berkuatkuasa 17 Julai – 30 Julai 2021

Penamatan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Lokaliti di WP Kuala Lumpur: <ul style="list-style-type: none">• PPR Sri Semarak• PPR Batu Muda• Kampung Padang Balang• Taman Koperasi Polis (Fasa2)• Flat Sri Sabah• PPR Kampung Baru Air Panas• PPR Kerinchi• Bandar Baru Sentul• Taman Ikan Emas	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021
2.	2 Lokaliti di Tawau, Sabah: <ul style="list-style-type: none">• Kampung Mangga, Nasip Kita• Kampung Kijang, Balung	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021

3.	Kampung Lingkodon, Kota Belud, Sabah	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021
4.	Kampung Pintas Kubu, Beaufort, Sabah	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021
5.	Kampung Muhibbah, Putatan, Sabah	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021
6.	Kampung Goshen, Kota Marudu, Sabah	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021
7.	Mukim Kuala Kuantan, Kuantan, Pahang:		
	<ul style="list-style-type: none"> Mukim Kuala Kuantan 1 	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021
	<ul style="list-style-type: none"> Mukim Kuala Kuantan 2 	4 Julai 2021	Ditamatkan pada 17 Julai 2021

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 80,339 pemeriksaan semalam.

Operasi Pematuhan ini melibatkan 4,156 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,029 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan SOP sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 438 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 404 individu dikompaun manakala 33 lagi direman dan satu (1) dijamin.

Orang ramai diingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dan mengamalkan kawalan sendiri dalam usaha untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 10 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta merampas empat (4) buah kenderaan darat.

Op BENTENG melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 890 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR/SJR PKP	- 836 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 815 pemantauan harian ke atas 10 jenis bekalan barangan terdiri daripada peringkat peruncit (629), pemborong (155) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,857 Pemeriksaan Khas Pematuhan SOP sepanjang PKP dan daripada jumlah itu, 1,850 premis mematuhi SOP yang ditetapkan manakala tujuh (7) premis dikompaun kerana tidak patuh SOP.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 143 warga asing telah menjalani ujian saringan dan daripada jumlah itu, satu (1) orang didapati positif COVID-19.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 700,943 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,445 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,411 orang telah disahkan positif COVID-19.

Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri.

Terima kasih.

**YAB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI PERTAHANAN**